



Manifestasi daripada budaya Malaysia yang inklusif dan diraikan tahun demi tahun, saya berharap sikap saling menghargai ini akan diteruskan dan diwariskan kepada generasi muda”

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

Perutusan Dr Mahathir sempena sambutan Krismas dimuat naik di laman Facebook beliau.

# Manifestasi kepelbagaian budaya satukan Malaysia

BH - 25/12/2018 m/s: 2

➔ Generasi muda diharapkan dapat teruskan nilai inklusif pada masa hadapan: PM

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Zanariah Abd Mutalib  
cnews@nstp.com.my

■ Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, sikap saling menghargai dan menghormati antara rakyat berbilang kaum dan agama, telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik, ber-

satu dan kuat.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap budaya bersifat inklusif antara masyarakat majmuk di negara ini kekal berpanjangan serta diwariskan kepada generasi akan datang.

“Malaysia adalah sebuah negara yang aman, di mana rakyat berbilang kaum dan agama berhimpun bersama-sama untuk meraikan sambutan perayaan masing-masing.

“Manifestasi daripada budaya Malaysia yang inklusif dan diraikan tahun demi tahun, saya berharap sikap saling menghargai ini diteruskan dan diwariskan kepada generasi muda.

“Inilah yang menjadikan Malaysia unik, bersatu dan kuat,” katanya dalam video perutusan Krismas yang dimuat naik di laman Facebook dan Twitter rasminya, semalam.

Dalam video berdurasi 49 saat itu, Dr Mahathir yang turut

mewakili isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, juga mengucapkan selamat menyambut Krismas kepada seluruh rakyat Malaysia.

## Seru kekalkan keamanan

Sementara itu, di Putrajaya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk terus mengekalkan keamanan dan ikatan persahabatan yang sedia ada dalam kalangan pelbagai kaum dan agama di negara ini.

Dalam perutusan sempena Hari Krismas, Timbalan Perdana Menteri juga meminta rakyat supaya mengambil berat terhadap golongan miskin, uzur, terpinggir dan mereka yang memerlukan tempat untuk berteduh.

“Mari kita sama-sama terus menunjukkan rasa hormat, persefahaman dan perasaan sayang dalam kalangan kita,

rakyat Malaysia.

“Ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah dirobahkan. Bersatu teguh, bercerai roboh.

“Anggaphlah perutusan ini sebagai kad Hari Krismas peribadi saya kepada setiap rakyat yang menyambut Hari Krismas tahun ini,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Wan Azizah juga mahu rakyat menumpukan kepada perkara positif, yang sebenarnya kata beliau lebih banyak daripada yang negatif.

“Islam mengajar kita supaya bertoleransi di antara satu sama lain.

“Dalam Surah *al-Mumtahanah* ayat 8 dan 9, Allah ta’ala menganjur umat Islam supaya berbuat baik dan berlaku adil kepada orang bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan umat Islam.

“Sebagai rakyat Malaysia, kita amat beruntung,” katanya.